KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN			
TARIKH	:	16.03.22	MUKA SURAT	:	31
JABATAN	:	JMG			

Penduduk kesal kuari batu kapur dibuka semula

Oleh NORLIA RAMLI
utusannews@mediamulia.com.my

BALING: Penduduk mendakwa terdapat kegiatan meletupkan batu dipercayai untuk pembinaan jalan ke lokasi kuari batu kapur di kaki Gunung Baling berdekatan Kampung Padang Che Mas di sini sejak seminggu lalu.

Pengerusi Badan Bertindak Bantahan Kuari Gunung Baling, Padang Che Mas, Kamarudin Zakaria, 56, berkata, sebuah syarikat kuari dipercayai membina semula jalan di kaki gunung tersebut yang dihentikan selepas mendapat arahan daripada Pejabat Tanah dan Galian, Baling pada tahun lepas.

"Beberapa hari lalu kami terdengar bunyi seperti jentera jentolak dan lori memasuki jalan yang terbengkalai itu berhampiran kaki Gunung Baling.

"Kami juga mendengar beberapa letupan kecil di kawasan itu yang dipercayai melibatkan kerja-kerja meletupkan batu-batu bagi pembinaan laluan ke lokasi kuari," katanya ketika ditemui di Kampung Padang Che Mas di sini, semalam.

Menurutnya, penduduk tidak menolak kemungkinan jalan yang dibina sepanjang lebih kurang satu kilometer itu ke lokasi kerja-kerja kuari batu kapur di kawasan baharu.

Katanya, situasi tersebut menimbul rasa kesal dalam kalangan penduduk terhadap tindakan syarikat terbabit yang tidak menghiraukan keselamatan dan ketenteraman penduduk sekiranya aktiviti kuari batu beroperasi di kaki Gunung Baling itu.

"Pembinaan jalan yang dibina sebelum ini, penduduk telah menerima kesan buruk apabila lumpur memasuki kawasan anak sungai sehingga mengakibatkan bencana banjir yang serius pada tahun lalu.

"Malah dua buah titi yang menjadi laluan utama penduduk kampung juga telah roboh sehingga menyukarkan kehidupan penduduk kampung untuk keluar bekerja dan melakukan aktiviti harian mereka," katanya.

Ahli Lembaga Koperasi Eko Pelancongan Gua Sireh, Mohd. Hassan Aziz, 49, pula berkata, hampir 1,500 penduduk kampung membantah projek kuari tersebut sebelum ini kerana didakwa mengancam kesihatan dan pencemaran alam sekitar.

"Difahamkan aktiviti kuari itu dirancang beroperasi di sepanjang kaki Gunung Baling hingga kaki Gunung Pulai iaitu kawasan zon hijau.

"Kawasan kampung ini juga diisytiharkan sebagai kawasan ekopelancongan apabila Gua Sireh dibuka untuk lawatan orang ramai.

"Sehubungan itu, kami berharap projek kuari itu dibatalkan terus kerana jarak kawasan kuari dengan tanaman dan kediaman penduduk kira-kira tiga kilometer sahaja," katanya.



KAMARUDIN Zakaria (kanan) dan Mohd. Hassan Aziz menunjukkan kawasan yang akan terlibat dengan projek kuari batu kapur di kaki Gunung Baling berdekatan Kampung Padang Che Mas, Baling semalam. - UTUSAN/NORLIA RAMLI

> **Penduduk tidak menolak kemungkinan jalan yang dibina sepanjang lebih kurang satu kilometer itu ke lokasi kerja-kerja kuari batu kapur di kawasan baharu.**